



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**LAPORAN SIASATAN EAIC
BERHUBUNG SIASATAN TERHADAP JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)
MENGENAI PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
DALAM PROSES KEWARGANEGARAAN MELIBATKAN
TUJUH (7) PEMAIN NATURALISASI BOLA SEPAK**

***UNTUK SIARAN SEGERA
10 JULAI 2026***

EAIC telah menerima aduan terhadap Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhubung dengan isu kelulusan kewarganegaraan bagi tujuh (7) orang Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia”).

Sehubungan itu, EAIC telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas EAIC (PPK EAIC) di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] bagi menjalankan siasatan mengenai aduan yang diterima. Siasatan oleh PPK EAIC adalah melibatkan JPN dan JIM yang merupakan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab memproses dan meluluskan permohonan Permit Masuk dan kewarganegaraan secara penaturalisasian.

Dalam menjalankan siasatan, PPK EAIC telah mengambil tindakan-tindakan seperti yang berikut:

- a) mendapatkan serta meneliti pelbagai dokumen-dokumen berkaitan tujuh (7) orang Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia daripada agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), JPN, JIM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM);
- b) merakam percakapan-percakapan saksi-saksi berikut:

- i. lima belas (15) orang Pegawai Yang Disiasat (PYDS) daripada pelbagai agensi; dan
 - ii. lima (5) orang saksi awam; dan
- c) meneliti peruntukan undang-undang yang berkaitan dan peraturan/pekeliling yang berkuat kuasa di jabatan-jabatan berkaitan dengan tindakan yang telah diambil.

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan EAIC mendapati seperti yang berikut:

1. Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri (YB MDN) dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan secara penaturalisasian menurut peruntukan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan;
2. YB MDN selanjutnya menjalankan kuasa dan budi bicara dengan memberi kelulusan khas mengambil kira sumbangan pemohon dalam sukan bola sepak yang boleh mengharumkan nama negara menurut Perkara 19(2) dibaca bersama seksyen 20(1)(e) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut memberi kuasa budi bicara kepada YB MDN atas sebab-sebab yang ditetapkan secara am atau secara khas oleh YB Menteri untuk menghitung tempoh kemastautinan seseorang itu tidak berada di dalam Persekutuan boleh dianggap bermastautin di Malaysia;
3. Namun PPK EAIC mendapati bahawa pertimbangan kepada syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi memperoleh kelulusan khas telah dibuat dalam tempoh yang amat singkat dan secara tidak teratur. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) terdapat ketidakaturan dalam proses pengeluaran Permit Masuk melibatkan proses temuduga dan tapisan keselamatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia;
 - (b) terdapat isu berhubung pengendalian tapisan keselamatan oleh JIM dan ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) oleh JPN bagi tujuan kelulusan kewarganegaraan;

- (c) terdapat ketidakpatuhan berkenaan pengesahan pelepasan kewarganegaraan negara asal daripada pihak berkuasa negara asal Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia; dan
- (d) terdapat ketidakpatuhan berkenaan penyerahan pasport negara asal oleh Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia kepada JIM.

Sehubungan itu dan selaras dengan fungsi EAIC di bawah **perenggan 4(1)(d), (f) dan (g), dan dibaca bersama subseksyen 4(2) Akta 700**, EAIC mengesyorkan—

- (a) JPN dan KDN menyemak semula keseluruhan proses dan dokumen-dokumen kewarganegaraan melalui penaturalisasian yang telah diberikan kepada tujuh (7) Pemain Naturalisasi Bola Sepak Malaysia di bawah Perkara 19(2) Perlembagaan Persekutuan memandangkan dapatan EAIC menunjukkan bahawa terdapat ketidakaturan tersebut;
- (b) mewujudkan satu garis panduan dalam menjalankan kuasa budi bicara di bawah undang-undang dengan mengambil kira peruntukan asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang menitikberatkan tempoh kemastautinan dalam negara sebagai satu asas kewarganegaraan diperakukan dan faktor penting juga dalam mempertimbangkan kelulusan untuk diberikan atas dasar keadaan khas;
- (c) JPN dan KDN mewujudkan SOP khusus berkenaan pemberian taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19(2) Perlembagaan Persekutuan;
- (d) JPN dan KDN menyediakan satu SOP khusus berkenaan pelepasan kewarganegaraan asal oleh warganegara asing yang telah memperoleh taraf kewarganegaraan Malaysia. Memandangkan Perlembagaan Persekutuan tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan, JPN perlu menetapkan satu tempoh yang mewajibkan pelepasan kewarganegaraan negara asal dilakukan dan hukuman sekiranya gagal untuk menyerahkan bukti pelepasan kewarganegaraan tersebut;
- (e) JPN mewujudkan garis panduan berkenaan dengan penggunaan kuasa budi bicara oleh Pendaftar Besar khususnya bagi pengeluaran sijil lahir di bawah seksyen 10A Akta 299 mengambil kira kemasukan peruntukan ini di bawah Akta 299 adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang jelas berhubung dengan kuasa Pendaftar Besar untuk mendaftarkan mana-mana kelahiran. Kuasa budi bicara ini hendaklah digunakan hanya setelah Pendaftar Besar benar-benar

berpuas hati kelahiran telah berlaku berdasarkan keterangan yang dikemukakan iaitu setelah segala proses usaha wajar (*due diligence*) telah dilaksanakan; dan

- (f) JIM dan JPN bersama PDRM mewujudkan SOP khusus berkenaan tatacara pengendalian tapisan keselamatan yang ketat dan menyeluruh bagi tujuan kelulusan Permit Masuk dan kewarganegaraan.

EAIC berpandangan pemerolehan kewarganegaraan secara penaturalisasian adalah satu perkara yang melibatkan kepentingan dan keselamatan negara, oleh itu SOP yang berkuat kuasa perlu dipantau untuk dipatuhi secara ketat oleh JIM dan JPN.

Laporan Dapatan Siasatan EAIC ini telah diserahkan kepada KDN, JIM dan JPN untuk tindakan lanjut.

PPK EAIC juga mengambil maklum bahawa laporan-laporan polis telah dibuat melibatkan isu pemalsuan dokumen yang telah diputuskan palsu oleh Mahkamah Timbangtara Sukan (CAS). Sehubungan itu, adalah wajar perkara ini dijalankan penyiasatan secara menyeluruh oleh agensi yang berkenaan dan selanjutnya dirujuk kepada pihak yang berkenaan memandangkan isu pemalsuan dokumen ini adalah di luar bidang kuasa EAIC di bawah Akta 700.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.